

25/07/1999

Kerajaan bersungguh tingkatkan prasarana

LANGKAWI: Kerajaan bersungguh untuk menaikkan taraf kemudahan prasarana dan perkhidmatan yang akan membantu menambahkan keupayaan eksport sekaligus mendorong pengurangan kos import, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, inflasi juga akan dibendung manakala daya produktiviti dan piawaian lebih tinggi akan menjadikan negara satu tempat yang lebih baik untuk didiami.

Beliau berkata, sepanjang tahun lalu, kerajaan berusaha memastikan bahawa semua rancangan dan strategi bagi mencapai matlamat jangka panjang Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju menjelang 2020 tidak tergelincir daripada landasan ataupun terganggu dengan begitu serius.

"Saya ingin menekankan bahawa kelembapan ekonomi sekarang tidak seharusnya menghalang pertumbuhan jangka panjang kita," kata Perdana Menteri dalam perutusan tahunan Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) 1999 yang dikeluarkan sehari menjelang Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) '99 di sini, semalam.

Dr Mahathir, yang adalah penaung MIGHT, berkata: "Ketidaktentuan ekonomi yang kita hadapi sekarang dan mungkin hadapi sekali lagi memerlukan reformasi segera pada peringkat negara dan antarabangsa."

(END)